

D.R. 36/2006

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Akta Persatuan Nelayan 1971.

[]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1.(1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Persatuan Nelayan (Pindaan) 2006.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Pindaan am

2. Akta Persatuan Nelayan 1971 [*Akta 44*], yang disebut "Akta ibu" dalam Akta ini, dipinda dalam teks bahasa kebangsaan, dengan menggantikan perkataan "syarikat kerjasama" di mana-mana jua terdapat dengan perkataan "koperasi".

Pindaan seksyen 2

3. Akta ibu dipinda dalam seksyen 2, dalam takrif "Persatuan Nelayan Kawasan", dengan memotong perkataan "dan termasuklah sesuatu syarikat kerjasama nelayan".

Pindaan seksyen 11

4. Seksyen 11 Akta ibu dipinda dengan memotong subseksyen (7).

Pemotongan seksyen 34

5. Akta ibu dipinda dengan memotong seksyen 34.

Pemotongan seksyen 35

6. Akta ibu dipinda dengan memotong seksyen 35.

Pemotongan seksyen 36

7. Akta ibu dipinda dengan memotong seksyen 36.

Kecualian dan peralihan

8. (1) Apa-apa prosiding untuk membubarkan secara paksa syarikat kerjasama nelayan yang masih belum selesai di bawah Akta ibu sebelum tarikh mula berkuat kuasanya Akta ini hendaklah, selepas tarikh mula berkuat kuasanya Akta ini diteruskan oleh Pendaftar Persatuan Nelayan seolah-olah Akta ibu tidak dipinda oleh Akta ini.

(2) Apa-apa perbelanjaan yang dibuat ketika pembubaran secara paksa syarikat kerjasama nelayan di bawah subseksyen (1) sebelum tarikh mula berkuat kuasanya Akta ini hendaklah, selepas tarikh mula berkuat kuasanya Akta ini, dibayar oleh Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia seolah-olah Akta ibu tidak dipinda oleh Akta ini.

(3) Apabila Akta ini mula berkuat kuasa, pertukaran nama "syarikat kerjasama nelayan" dalam teks bahasa kebangsaan kepada "koperasi nelayan", tidaklah menyentuh apa-apa hak atau obligasi syarikat kerjasama nelayan atau menjadikan cacat apa-apa prosiding undang-undang oleh atau terhadapnya, dan apa-apa prosiding undang-undang yang mungkin telah diteruskan atau dimulakan olehnya atau terhadapnya sebelum tarikh mula berkuat kuasanya Akta ini bolehlah diteruskan atau dimulakan di bawah namanya yang baru.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Persatuan Nelayan 1971 [Akta 44]. Pindaan itu merupakan pindaan berbangkit daripada penubuhan Suruhanjaya Koperasi Malaysia ("Suruhanjaya") di bawah Rang Undang-Undang Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2006 dan pindaan kepada Akta Koperasi 1993 [Akta 502]. Apabila Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2006 dan Akta Koperasi (Pindaan) 2006 berkuat kuasa, koperasi nelayan akan dikawal selia dan diawasi oleh Suruhanjaya.

1. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan tentang permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan.
2. *Fasal 2,3 dan 4* adalah pindaan berbangkit daripada penubuhan Suruhanjaya di bawah Rang Undang-Undang Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2006 dan pindaan kepada Akta Koperasi 1993 [Akta 502].
3. *Fasal 5, 6 dan 7* bertujuan untuk memotong seksyen 34, 35 dan 36 Akta 44 kerana kuasa mengawal selia dan mengawasi koperasi nelayan akan terletak hak pada Suruhanjaya menurut Rang Undang-Undang Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2006 dan Rang Undang-Undang Koperasi (Pindaan) 2006.
4. *Fasal 8* mengandungi peruntukan kecualian dan peralihan.

IMPUKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

[PN(U²)2486]